فوليتيكنيك بروني
POLITEKNIK BRUNEI

# KARNIVAL KONVO KE -3

## SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK BRUNEI KE -3, 2017

# Sertailah

# PERTANDINGAN

PERTANDINGAN

1. Video promosi pelancongan
2. Video iklan produk & servis tempatan.
3. Brosur produk & servis tempatan

**MENANGI HADIAH MENARIK!**

MENANGI HADIAH MENARIK!

Wang tunai $$$ & Hadiah sampingan yang lain

**Terbuka kepada :**

- **Pelajar-pelajar & alumni Politeknik Brunei**
- **Penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi awam ( UBD, UTB, UNISSA & KUPU SB).**
- **Penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi swasta**

# Daftarlah Sekarang!!!

Borang Penyertaan dan maklumat lanjut boleh didapatkan & dimuat turun dilaman sesawang Politeknik Brunei di **www.pb.edu.bn**

Borang penyertaan lengkap diisi hendaklah dihantar sebelum atau pada **3/12/2016 jam 3 petang** di

**Kaunter Penyambut Tetamu,**
**Aras 2**
**Politeknik Brunei**
**Kondominium Ong Sum Ping.**
**Talian umum +6732234466**

**SYARAT & PERATURAN PERTANDINGAN KREATIF "THE ENTREPRENEURIAL SPIRIT"**
**ACARA KARNIVAL KONVO KE 3**
**SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK BRUNEI KE 3, 2017**

## A. Keterangan Pertandingan

- Pertandingan ini adalah anjuran Politeknik Brunei sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke 3, 2017.
- Tempoh pertandingan bermula 30 November 2016 hingga 16 Januari 2017.
- Tema pertandingan adalah "*The Entrepreneurial Spirit*".

## B. Kelayakan Pertandingan

Pertandingan terbuka kepada:

- Pelajar-pelajar dan alumni Politeknik Brunei,
- Penuntut-penuntut yang sedang mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi awam (UBD, UTB, UNISSA, KUPUSB), dan
- Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi swasta tempatan.

## C. Terma dan Syarat Pertandingan

1. Penyertaan adalah percuma.
2. Penyertaan adalah secara berkumpulan (tidak lebih dari 3 orang setiap kumpulan).
3. Setiap kumpulan boleh menyertai **semua** kategori pertandingan, akan tetapi, setiap kumpulan hanya dibenarkan menghantar **SATU** tajuk penyertaan bagi setiap kategori pertandingan.
4. Setiap kategori penyertaan hendaklah disertakan dengan satu (1) borang penyertaan.
5. Genre video adalah bebas, seperti animasi, drama, sketsa, komedi dan dokumentari.
6. Kos penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
7. Peserta hendaklah memilih satu tajuk sahaja bagi setiap kategori pertandingan dalam senarai berikut (sila lihat lampiran untuk maklumat lanjut):
   **a) Kategori 1: Video Promosi Pelancongan**
   **b) Kategpri 2: Video Iklan Promosi Produk atau Servis Tempatan**
   **c) Kategori 3: Brosur Promosi Produk atau Servis Tempatan**
7. Peserta hendaklah menggunakan SATU sahaja; Bahasa Malaysia standard atau Bahasa Inggeris.
8. Jangka masa video adalah:
   a. Antara **60 saat hingga 120 saat** bagi video promosi pelancongan, dan
   b. Antara **30 saat hingga 60 saat** bagi video promosi iklan.
   Tempoh ini termasuk montaj dan kredit.
9. Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbit dan dipapar dalam segala bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah AVI, WMV, MOV, FLV & MP4.
10. Resolusi video adalah HD 720p (1280 x 720 pixel resolution) atau Full HD 1080p (1920 x 1080 pixel resolution).
11. Peserta dikehendaki untuk menyediakan sinopsis/ringkasan isi kandungan video. Sila gunakan jenis tulisan (*font*) Arial, saiz tulisan 11 dan *single spacing*.
12. Dimensi brosur yang dicipta ialah bersaiz A4 (21 cm X 29.7 cm).
13. Karya video hendaklah **dihantar dalam bentuk CD** dan **brosur dalam bentuk kertas bersaiz A4**.
14. Sila pastikan semua bahan yang digunakan untuk video dan brosur, seperti muzik, logo, tanda perniagaan, slogan, dan lain-lain, berstatus bebas royalti. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.
15. Karya video dan brosur yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan TIDAK BOLEH mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan dan tidak menghina mana-mana pemimpin dan individu.

16. Setiap penyertaan mestilah merupakan kerja asal/asli dan tidak menceroboh mana-mana hak cipta orang lain. Semua penyertaan TIDAK BOLEH dimuat naik ke mana-mana portal sebelum mendapat kebenaran penganjur.
17. Setiap hasil karya juga mestilah TIDAK PERNAH dipertandingkan, disiarkan, atau diterbitkan dalam mana-mana pertandingan, siaran atau terbitan peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
18. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak.
19. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.

**D. Kriteria Penghakiman**

Pemenang akan dipilih mengikut kriteria di bawah:

1. Pematuhan tema: Tema disampaikan dengan jelas dan kreatif
2. Keaslian dan kreativiti: Unik dan tidak diambil dari idea orang lain. Penyampaian tema adalah asli dan mudah diterima.
3. Kesan kepada penonton: Boleh menyampaikan mesej mengenai dengan tajuk video atau brosur yang dipilih dengan berkesan kepada orang awam.
4. Keseluruhan pembinaan: Menunjukkan rangka dan kandungan yang berhati-hati, cerita yang jelas dan mudah difahami, serta tersusun dan fokus.$
5. Teknik visual: Visual video yang kreatif dan berjaya menarik perhatian penonton mengikut teknik dan kesan penataan video yang sesuai.
6. Kreativiti visual: Rekabentuk brosur adalah menarik dan mengandungi elemen-elemen kreatif yang mampu menarik perhatian pembaca.
7. Teknik audio: Pilihan lagu atau muzik, kesan bunyi dan penyuaraan yang jelas dan sesuai.

**E. Tuntutan Hak Cipta**

1. Semua karya penyertaan adalah hak milik penganjur, iaitu, Politeknik Brunei.
2. Politeknik Brunei berhak menggunakan karya penyertaan dan mendaftarkannya sebagai harta intelek penganjur.
3. Politeknik Brunei berhak untuk membuat suntingan terhadap karya penyertaan bagi tujuan pendidikan, penyiaran dan promosi.

**F. Hadiah dan Keputusan Pertandingan**

1. Penghakiman akan diadakan pada selepas tarikh tutup penghantaran karya penyertaan pada **16 Januari 2017.**
2. Hadiah adalah tertakluk kepada keadaan dan pihak penganjur dan Politeknik Brunei berhak untuk menukar hadiah tanpa sebarang notis.
3. Pemenang akan dipilih mengikut kriteria yang disebutkan di atas dan akan dihakimkan oleh hakim dari pihak pengajur pertandingan dan juri jemputan.
4. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel atau telefon selepas selesai penghakiman.
5. Jika pemenang tidak dapat dihubungi atau tidak memberi maklum balas **2 hari selepas pemberitahuan**, pihak penganjur pertandingan berhak untuk menarik balik hadiah daripada pemenang dan diganti dengan pemenang lain.
6. Penyampaian hadiah akan diadakan pada 23 Januari 2017, di Pusat Belia, jam 9:00 pagi.
7. Keputusan pihak pengajur pertandingan mengenai segala perkara berkenaan dengan pertandingan ini adalah MUKTAMAD dan rayuan tidak akan dilayan.
8. Para pemenang bersetuju kepada penggunaan nama dan imej pemenang pada mana-mana bahan publisiti pihak penganjur.
9. Penyertaan pertandingan ini akan dianggap sebagai penerimaan kepada terma dan syarat di atas.
10. Tawaran hadiah bagi setiap kategori (Kategori I, II dan III) adalah seperti berikut:

a. Tempat Pertama: wang tunai dan trofi
b. Tempat Kedua : wang tunai dan trofi
c. Tempat Ketiga: wang tunai dan trofi

**G. Penyerahan**

Borang penyertaan hendaklah dihantar sebelum atau pada **3 Disember 2016** pada alamat tertera di bawah, atau dihantar melalui emel di CSDI@pb.edu.bn

Karya video (dalam bentuk DVD/CD) dan brosur (dalam bentuk kertas A4) hendaklah dihantar **sebelum atau pada 16 Januari 2017, sebelum jam 3 petang**, ke:

**Pertandingan "The Entrepreneurial Spirit"**
**Penyambut Tetamu, Aras 2,**
**One-Stop Centre**
**Politeknik Brunei**
**Block 2E, Kondominium Ong Sum Ping**
**Jalan Ong Sum Ping,**
**Bandar Seri Begawan, BE 1311**

**Lampiran A**

| | Kategori | Tajuk | Maklumat |
|---|---|---|---|
| 1 | Video Promosi Pelancongan<br>• Pilih SATU tajuk,<br>• Jangkamasa video: 60 – 120 saat,<br>• Format: AVI, WMV, MOV, FLV & MP4.<br>• Resolusi video adalah HD 720p (1280 x 720 *pixel resolution*) atau *Full HD* 1080p (1920 x 1080 *pixel resolution*).<br>• Penghantaran: DVD/CD | 1. Heritage trail | Tempat-tempat yang dicadangkan untuk dipaparkan:<br>• SOAS Mosque<br>• Royal Regalia<br>• Bangunan Lapau Diraja<br>• Pusat Sejarah<br>• Yayasan SHHB<br>• Dermaga Di Raja<br>• Tamu Kianggeh<br>• Chinese Temple<br>• Makam Raja Dang Ayang<br>• Taman SOAS<br>• Timepiece Monument<br>• Arts & Handicraft Centre |
| | | 2. Kampong Air Trail | Tempat-tempat yang dicadangkan untuk dipaparkan:<br>• Cultural Gallery<br>• Colorful Houses<br>• New Housing Structure<br>• Jong Batu<br>• Lumut Lunting Island<br>• Kunyit 7 Lodge<br>• Boatmaker Hj Pian<br>• Hj Tarsad House<br>• Ketupat Making Hj Arsid |
| | | 3. Bangar Trail | Tempat-tempat yang dicadangkan untuk dipaparkan:<br>• Tugu Peringatan<br>• Temburong Art & Cultural Heritage Gallery<br>• Souvenir Shop<br>• Utama Mohd Salleh Mosque |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Tamu Bangar<br>• Kompleks Utama Bumiputera<br>• Gemilang 60 Monument<br>• Ulu Temburong National Park (Batang Duri) |
| 2 | Video Iklan Promosi Produk atau Servis Tempatan<br>• Pilih SATU tajuk,<br>• Jangkamasa video: 30 – 90 saat,<br>• Format: AVI, WMV, MOV, FLV & MP4.<br>• Resolusi video adalah HD 720p (1280 x 720 *pixel resolution*) atau *Full HD* 1080p (1920 x 1080 *pixel resolution*).<br>• Penghantaran: DVD/CD.<br>• Sila berhubung dengan MPK & pengusaha dipilih. | 1. Majlis Perundingan Kampung Tungku | Nama Pengusaha: |
| | | 2. Majlis Perundingan Kampung Kapok | Nama Pengusaha:<br>Awg Hj Merali Hj Ahmad<br>(2770598/8788498)<br>Kerepek pisang 5 rasa, kerepek pisang berlada, agar-agar |
| | | 3. Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga | Nama Pengusaha:<br>Awg Hj Zaini Hj Salleh<br>(8657825)<br>Keropok udang, keropok ikan, biskut |
| | | 4. Majlis Perundingan Kampung Bebuloh | Nama Pengusaha:<br>Dyg Asmah Alas<br>8844837<br>Pembuatan bakul & anyaman |
| | | 5. Majlis Perundingan Kampung Putat | Nama Pengusaha:<br>Awg Hj Junggal Hj Jumat<br>(8648268)<br>Pembuatan tongkat, gegawi, sesaban, dll. |
| | | 6. Syarikat-syarikat di bawah Darussalam Enterprise, DARE, & iCentre, Anggerek Desa | Syarikat-syarikat IT & industri kreatif tempatan. |
| 3 | Brosur Produk atau Servis Tempatan<br>• Saiz A4<br>• Rekabentuk: berwarna<br>• Sila berhubung dengan MPK & pengusaha, dan syarikat yang dipilih. | 1. Majlis Perundingan Kampung Tungku | Nama Pengusaha: |
| | | 2. Majlis Perundingan Kampung Kapok | Nama Pengusaha:<br>Awg Hj Merali Hj Ahmad<br>(2770598/8788498)<br>Kerepek pisang 5 rasa, kerepek pisang berlada, agar-agar |
| | | 3. Majlis Perundingan Kampung Sungai | Nama Pengusaha: |

| | | |
|---|---|---|
| | Bunga | Awg Hj Zaini Hj Salleh<br>(8657825)<br>Keropok udang, keropok ikan, biskut |
| | 4. Majlis Perundingan Kampung Bebuloh | Nama Pengusaha:<br>Dyg Asmah Alas<br>8844837<br>Pembuatan bakul & anyaman |
| | 5. Majlis Perundingan Kampung Putat | Nama Pengusaha:<br>Awg Hj Junggal Hj Jumat<br>(8648268)<br>Pembuatan tongkat, gegawi, sesaban, dll. |

POLITEKNIK BRUNEI

# Borang Pendaftaran Pertandingan "The Entrepreneurial Spirit"

## *The Entrepreneurial Spirit Competition Registration Form*

Sila tandakan (√) pada mana-mana yang berkenaan.
*Please tick (√) where applicable.*

A. Nama institusi/*Name of institution* : ____________________________________________________________

B. Nama & butiran perhubungan/*Name & contact detail*:

| | Nama penuh/*Full name* | No. telefon/*Contact number* | Emel/*email address* |
|---|---|---|---|
| 1. | | | |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

C. Kategori/*Category*:

1. Video Promosi Pelancongan/*Tourism promotional video* ☐
2. Video Iklan Promosi Produk/Servis Tempatan/*Local product/service promotional advert* ☐
3. Brosur Promosi Produk/ServisTempatan/ *Local product/service promotional brochure* ☐

D. Tajuk kategori dipilih/*Catetogy title*: ____________________________________________________________

E. Kami memahami & bersetuju untuk mematuhi semua syarat dan peraturan pertandingan ini.
*We understand & agree to abide by the all the rules and regulation of the competition.* ☐

F. Tandatangan/*Signature*:

______________________________________________________
[Name/*Name*: ]
Tarikh/*Date*:

Cop rasmi institusi/
*Institution official stamp*:

**Untuk kegunaan pihak penganjur:**

Tarikh diterima : ____________________
Penyertaan : diterima / ditolak
Ulasan : ____________________________________
No. penyertaan : ____________________
Tandatangan pegawai :